



03 SEP, 2024

Kerjasama VentureTECH, bursa saham Tokyo lonjak IPO

ventureTECH

Utusan Sarawak, Malaysia

Kerjasama VentureTECH, bursa saham Tokyo lonjak IPO



KUALA LUMPUR: VentureTECH Sdn Bhd bekerjasama dengan Tokyo Stock Exchange Inc (TSE) dalam usaha untuk menyokong penyenaraian syarikat multinasional di bursa berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Ahmad Redzuan Sidek berkata perkongsian itu bukan sahaja membuka lingkungan baharu bagi syarikat Malaysia, malah

menguatkan komitmennya untuk memacu pertumbuhan perniagaan tempatan yang berpotensi tinggi.

"Dengan menyediakan akses kepada pasaran modal Jepun yang dinamik, kami membolehkan syarikat tempatan pada skala lebih pantas, menarik pelaburan strategik dan meningkatkan kehadiran pasaran mereka di

peringkat global.

"Selain itu, kerjasama ini adalah bukti kepada visi VentureTECH untuk memperkasa usahawan bumiputera dan industri pertumbuhan tinggi di Malaysia, memudahkan pengembangan mereka ke pasaran antarabangsa," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, katanya kerjasama strategik itu menandakan langkah penting ke arah mengukuhkan ekosistem kewangan rentas sempadan dan meningkatkan penyertaan Asia di pasaran modal Jepun.

Menurutnya kerjasama itu adalah sejajar dengan penubuhan TSE Asia Startup Hub, inisiatif oleh Bursa Saham Tokyo untuk menarik syarikat Asia berpotensi bagi tawaran awam permulaan (IPO) di Jepun.

"Hab ini menyediakan sokongan meluas dalam pembangunan perniagaan, pengumpulan dana dan persediaan IPO, dengan matlamat untuk meningkatkan jumlah penyenaraian rentas sempadan di TSE.

"Melalui perkongsian ini, VentureTECH akan memberikan sokongan secara aktif sebagai respons kepada permintaan daripada TSE Asia Startup Hub," katanya. TSE Asia Startup Hub yang

ditubuhkan untuk mengambil dan memupuk syarikat berpotensi tinggi dari seluruh Asia, memfokuskan untuk menyokong perjalanan mereka mulai peringkat pertumbuhan ke IPO, akan mula mengambil syarikat yang layak pada suku ketiga tahun ini.

TSE turut menawarkan panduan kepada syarikat yang berminat untuk mengembangkan operasi perniagaan di Jepun, menawarkan bantuan yang disesuaikan seperti padanan perniagaan, kebolehlihatan yang dipertingkatkan dan mempermudah jalinan dengan modal teroka Jepun dan pelabur korporat. -Bernama



BANJIR... Foto yang diambil dari udara pada 28 Ogos 2024 ini menunjukkan ladang buah naga yang ditenggelami air di wilayah Binh Thuan. Banjir yang tidak pernah berlaku sebelum ini telah menenggelamkan ratusan hektar ladang buah naga di selatan Vietnam; penduduk memberitahu AFP pada 29 Ogos 2024. • Foto AFP



03 SEP, 2024

Kerjasama VentureTECH, bursa saham Tokyo lonjak IPO

Utusan Sarawak, Malaysia

ventureTECH

SUMMARIES

Kerjasama VentureTECH, bursa saham Tokyo lonjak IPO